



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Panduan guna WhatsApp

BOLEH beri sedikit panduan bagi penggunaan aplikasi *WhatsApp* dengan baik?

- NUR, KL.

Secara umumnya, aplikasi *WhatsApp* merupakan satu aplikasi media sosial menggunakan telefon pintar menerusi Internet. Mana-mana panduan penggunaan media sosial yang dibincangkan sebelum ini boleh digunakan untuk aplikasi ini. Seterusnya akan dibincangkan secara khusus kepada penggunaan aplikasi *WhatsApp*.

- Berhati-hati dengan apa sahaja mesej yang hendak diposkan ke dalam aplikasi *WhatsApp* ini. Ingat, berfikir dahulu sebelum diposkan mesej tersebut. Jangan sesekali berkongsi maklumat peribadi seperti alamat, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sebagainya tanpa ada kepentingan.

- Blok mana-mana gambar daripada aplikasi *WhatsApp* muncul daripada galeri gambar dalam telefon pintar yang digunakan. Ini boleh dengan melakukan konfigurasi privasi gambar dalam telefon pintar yang digunakan.

- Hadkan capaian kepada gambar profail hanya kepada orang-orang tertentu sahaja. Sekiranya tidak, orang yang tidak bertanggung jawab boleh memuat turun gambar itu. Seterusnya, menggunakan gambar itu untuk pencarian lebih maklumat berkaitan tuan empunya gambar.

- Berhati-hati dengan pelbagai mesej penipuan atau scam. Ini kerana pihak berautoriti terutama pihak *WhatsApp* tidak akan sesekali menghubungi atau meminta apa-apa maklumat peribadi anda menerusi aplikasi ini.

- Sekiranya berlaku kehilangan telefon pintar, nyah aktifkan akaun aplikasi *WhatsApp*.

Ini boleh dilakukan dengan mengaktifkan nombor telefon yang digunakan untuk akaun aplikasi *WhatsApp* ke dalam telefon pintar yang lain. Setiap akaun aplikasi *WhatsApp* hanya menerima satu nombor telefon sahaja. Jadi, ini akan nyahaktifkan akaun aplikasi *WhatsApp* yang berada dalam telefon yang hilang.

- Pastikan aplikasi *WhatsApp* dalam telefon pintar sentiasa dalam mod terkunci. Aplikasi *WhatsApp* tiada fungsi ini tetapi boleh menggunakan aplikasi lain seperti *Messenger and Chat Lock*, *Lock for WhatsApp*, *Secure Chat* dan lain-lain.

- Nyah aktifkan fungsi *Last Seen* dalam aplikasi *WhatsApp*. Ini untuk mengelakkan orang yang tidak bertanggung jawab mengetahui masa terakhir pemilik akaun aplikasi *WhatsApp* berada dalam talian.